

CNS6082

U GB 03-08 00183 BH011

AAU

Mahathir - Brunei

M'SIA DAN BRUNEI TIDAK BERNARKAN PERSELISIHAN JEJAS HUBUNGAN BAIK
Daripada Ali Mamat.

1

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Brunei tidak akan membenarkan perselisihan kecil menjejaskan perhubungan baik antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Kedua-dua negara tidak percaya kepada pergeseran dan apa jua masalah yang timbul akan dibincangkan secara baik, katanya pada persidangan akhbar di akhir lawatannya selama tiga hari ke Brunei.

Beliau berkata, walaupun terdapat tuntutan bertindih oleh kedua-dua negara berhubung kawasan darat dan perairan tertentu namun harus ada asas-asas untuk penyelesaian.

Katanya: "Dan jika kita boleh mencapai persetujuan terhadap asas-asas itu maka kita boleh menyelesaikan masalah yang berbangkit.

"Tetapi, walau apapun, jika ia mengambil masa yang panjang, kita tidak akan membenarkan perselisihan kecil ini menjejaskan hubungan kita. Walaupun menghadapi masalah mengenai sempadan, kita akan tetap menjadi rakan yang paling baik."

Dr Mahathir berkata, sempadan negara sekarang ditetapkan semasa era penjajah British lagi dan kedua-dua pihak berpendapat terdapat tuntutan-tuntutan bertindih yang perlu diselesaikan. -- Lagi.

▼03/08/18-45MSF

U GB 03-08 00157 BH012

AAU

Mahathir - Brunei 2 (Akhir) Bandar Seri Begawan

Pada pertemuannya dengan Sultan Hassanah BolKiah semalam, kedua-dua pihak bersetuju mengukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, agama dan ketenteraan.

"Dalam sektor ketenteraan, kita telah bersetuju untuk menggunakan apa sahaja kemudahan bersama yang ada dan yang sesuai untuk kedua-dua negara," katanya.

Beliau difahamkan bahawa Brunei membeli pesawat pejuang Hawk buatan Britain, sama seperti yang dibeli Malaysia dan ini memungkinkan kedua-dua negara menggunakan kemudahan latihan dan servis yang serupa, tambahnya.

Dr Mahathir, yang mengunjungi kawasan penempatan di Kampung Ayer, dekat sini awal hari ini, berkata, Malaysia akan mengikuti konsep perkampungan itu untuk memajukan pelancongan.

Semua rumah di kawasan itu, yang mempunyai penduduk sebanyak 27,000 orang didirikan di atas tiang-tiang di Sungai Brunei.

Ia wujud sejak kurun ke-16 dan pelayar terkemuka Portugis yang belayar mengelilingi dunia, Ferdinand Magellan menyifatkannya sebagai sebuah bandar.

-- Bernama.

AM ZU KAM.